

29

SOALAN NO: 23

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin
Raja Ahmad [Kuala Terengganu]

TARIKH : 19 Mac 2018

SOALAN : Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin
Raja Ahmad minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan:-

apakah **program** membantu nelayan
pantai timur khususnya bagi
membolehkan mereka mencari
pendapatan pada **musim tengkujuh**
pada setiap akhir tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sememangnya prihatin akan kebajikan masyarakat nelayan dan telah menyediakan pelbagai bentuk insentif serta bantuan dalam meringankan kos sara hidup golongan tersebut.

Dalam pada itu, Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga telah menjalankan beberapa program khususnya bagi membantu nelayan pantai timur mencari pendapatan tambahan pada musim tengkujuh. Diantaranya adalah:

- i. Kelulusan khas kebenaran menunda di kawasan 2 batu nautika dan ke atas dari pantai pada musim tengkujuh di negeri Pahang dan Terengganu. Bagi tahun 2017 / 2018, pelaksanaannya bermula dari 15 Disember 2017 sehingga 15 Mac 2018 berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- ii. Bantuan akuakultur program ternakan ikan dalam sangkar yang dijalankan sebagai aktiviti sampingan. Pada tahun 2017, sebanyak RM746 ribu telah disalurkan kepada 45 orang nelayan di Kelantan, Terengganu dan Pahang bagi menjalankan aktiviti ternakan ikan. Manakala bagi tahun 2018,

sebanyak RM164 ribu telah diperuntukkan bagi tujuan yang sama.

- iii. Program usahawan bimbingan dalam industri pemprosesan asas tani berasaskan produk perikanan. Pada tahun 2017, sebanyak RM1.34 juta telah disalurkan kepada 48 orang usahawan di pantai timur yang menjalankan aktiviti pemprosesan seperti keropok lekor, sata, otak-otak dan sebagainya. Manakala bagi tahun 2018, sebanyak RM730 ribu telah diperuntukkan bagi program yang sama bagi meningkatkan pengeluaran dan pembangunan produk.